

**ROS Panggil PKR Dipercayai Berhubung Isu Pemecatan Khalid  
Bernama  
August 20, 2014**

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR) dipanggil oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) pada 28 Ogos ini.

Naib Presidennya, Tian Chua ketika dihubungi Bernama, mengesahkan Pengerusi Lembaga Disiplin PKR Datuk Dr Tan Kee Kwong menerima surat daripada ROS yang meminta beliau hadir ke ibu pejabat ROS di Putrajaya.

"Beliau memang ada terima surat dari ROS untuk memberi penjelasan...kita percaya ia berhubung aduan terhadap parti yang dibuat kepada ROS oleh Khalid (Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim)," katanya.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil dalam satu kenyataan melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), hari ini berkata, sebuah pasukan diketuai Pengarah Bahagian Penguatkuasaan ROS ASP Akmal Yahya telah bertemu dengan Dr Tan di ibu pejabat PKR, di Petaling Jaya, Selangor, pada Rabu.

"Dalam pertemuan tersebut, ASP Akmal telah memaklumkan bahawa pertemuan yang sepatutnya berlaku esok telah ditunda ke 28 Ogos 2014, 10 pagi, di pejabat ROS di Putrajaya," katanya.

Menurutnya, Dr Tan akan ditemani peguam R.Sivarasa yang juga ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR, dalam pertemuan itu.

Khalid yang dipecat daripada parti 9 Ogos lalu dalam aduannya menuntut ROS menyiasat sama ada keputusan lembaga disiplin dan majlis pimpinan pusat PKR melanggar perlembagaan parti.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1061994>